



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000  
Faks : +6088-320243 / 320047  
Emel : papenums@ums.edu.my

Ruj.Kami : UMS/PEND2.1/500-2/2/5 (16)

Tarikh : 11 Ogos 2017

### SEMUA STAF AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

### IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempelawa staf akademik yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut di atas, dengan mengemukakan:

- a) Surat permohonan berserta gambar berukuran *passport* yang terkini; dan
- b) *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat yang telah ditetapkan (rujuk iklan).

3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 Ogos 2017 (Jumaat)**. Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

**MOHD ZAIDIE BIN ADILAI**

Ketua

Bahagian Pentadbiran dan Governan

Jabatan Pendaftar

b.p Pendaftar

s.k Pendaftar



Certified to ISO9001 : 2008  
Cert. No: AR 3088

BERTEKAD CEMERLANG

[www.ums.edu.my](http://www.ums.edu.my)



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اوتيسيتي قندديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel : 05-4506444  
Faks : 05-4595429  
http://pendaftar.upsi.edu.my

E-mail :pendaftar@upsi.edu.my

3.520  
15

Pejabat Pendaftar

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/600.7 (51)  
Tarikh : 3 OGOS 2017/10 ZULKAEDAH 143



SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y.Bhg Prof. Dato'/Dato'/Prof/Tuan/Puan,

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Dengan hormatnya dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempelawa staf akademik yang berkelayakan di organisasi Y.Bhg Prof. Dato'/Dato'/Prof/Tuan/Puan untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di universiti ini.

2. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan iklan berhubung jawatan ini untuk dihebahkan kepada staf akademik di organisasi Y.Bhg Prof. Dato'/Dato'/Prof/Tuan/Puan. Tarikh tutup permohonan adalah pada 25 Ogos 2017 (Jumaat). Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada :

Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan

3. Kerjasama Y.Bhg Prof. Dato'/Dato'/Prof/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”

Saya Yang Menjalankan Tugas,

*Me Faizalmsy*

(MOHD FAIZI BIN OTHMAN)

Pendaftar

s.k

Y.Bhg Dato' Naib Canselor UPSI



SENARAI PENDAFTAR

1. Encik Yusoff bin Musa  
Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
Aras 7, Bangunan Canselori  
Universiti Malaya (UM)  
50603 WP Kuala Lumpur  
  
No. Tel : 05-7967 3204  
No. Faks : 03-7956 4004
2. YBhg. Profesor Dato' Dr. Abd Aziz bin Tajuddin  
Pendaftar  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 Minden Pulau Pinang  
  
No. Tel : 04-653 3111  
No. Faks : 04- 6581718
3. Tuan Haji Abd. Razak bin Hussin  
Pengarah Eksekutif Pentadbiran  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi  
Selangor  
  
No. Tel : 03-8921 4888  
No. Faks : 03- 8926 7950
4. YBhg. Dato' Wan Azman bin Wan Omar  
Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
  
No. Tel : 03-8947 1501  
No. Faks : 03-8947 2007
5. Y.Bhg Dato' Wan Mohd Zawawi bin Wan Abd Rahman  
Pendaftar  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 Skudai Johor  
  
No. Tel : 07-553 0444  
No. Faks : 07-556 1722
6. Puan Azida binti Azmi  
Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
  
No. Tel : 03-5544 3010  
No. Faks : 03-5544 3001

7. YBhg. Dato' Abdul Rahim bin Ahmad  
Pengarah Eksekutif  
Bahagian Perkhidmatan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Aras 3, Bangunan Rektor  
P.O Box 10  
50728 WP Kuala Lumpur

No Tel : 03-6196 4967  
No. Faks : 03-6196 4997

8. Encik Baharudin bin Yaacob  
Timbalan Pendaftar  
Yang Menjalankan Tugas Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok Kedah

No. Tel : 04-928 3101  
No. Faks : 04-928 3104

9. Encik Henry Tening Ak Sengeng  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
Aras 2, Bangunan CAUH Kampus Barat  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak

No. Tel : 082-251091  
No. Faks : 082-581168

10. Encik No'man Haji Ahmad  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Aras 4, Bangunan Pentadbiran  
88400 Kota Kinabalu  
Sabah

No. Tel : 088-320 000 ext 1417  
No. Faks : 088-320243

11. Encik Muhammad Haizuan bin Rozali  
Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus

No. Tel : 06-798 8101  
No. Faks : 06-799 3843

12. Y.Bhg Profesor Dr. Nora'Aini binti Ali  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
Mengabang Telipot  
21030 Kuala Terengganu Terengganu

No. Tel : 09-668 5152  
No. Faks : 09- 669 6441

13. Encik Abdul Halim Bin Abdul Rahman  
Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
86400 Parit Raja  
Batu Pahat  
Johor Darul Takzim

No. Tel : 07-453 7103  
No. Faks : 07-453 6337

14. YBhg. Datuk Hasan bin Sirun  
Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
Melaka

No. Tel : 06- 555 2013  
No. Faks : 06- 331 6114

15. Encik Abd Hamid bin Majid  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan  
Pahang Darul Makmur

No. Tel : 09-424 5225  
No. Faks : 09-424 5222

16. Encik Zuber bin Hj. Mohamad  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Tingkat 12, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar  
Perlis

No. Tel : 04-979 8020  
No. Faks : 04-977 8013

17. Encik Ismail bin Ahmad  
Pendaftar  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Aras 1, Pejabat Pendaftar  
Bangunan Canselori  
Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Terengganu,  
Terengganu

No. Tel : 09-668 8360  
No. Faks : 09-668 7883

18. Mejar (K) Pauzi bin Pak Chu  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
Kampus Bachok  
Beg Berkunci No. 01  
16310 Bachok  
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-779 7050  
No. Faks : 09-771 7052

19. Puan Hajah Sarina binti Abd Rani  
Pemangku Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
Kem Sungai Besi  
57000 WP Kuala Lumpur

No. Tel : 03-9051 3423  
No. Faks : 03-9058 1536



**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Permohonan adalah dipelawa kepada staf akademik Universiti Awam (UA) untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut :

1. **Jawatan** : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. **Gred** : Gred Utama B (VU6)
3. **Jadual Gaji (Min – Mak)** : RM8,315.00 hingga RM22,445.00
4. **Taraf Lantikan** : Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak
5. **Tempoh Lantikan** : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
6. **Kelayakan** : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berkebolehan memimpin dan mengurus Pusat Pengajian/Fakulti/Jabatan.

**7. Kriteria Umum**

Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:

**7.1 Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

**7.2 Pengiktirafan Antarabangsa**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar Negara.

### **7.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

### **7.4 Reputasi**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

### **7.5 Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

### **7.6 Proaktif**

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi;

### **7.7 Perwatakan**

Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara;

### **7.8 Pengurusan Konflik**

Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah; dan

### **7.9 Potensi**

Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.



## 8. Kriteria Khusus

Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) adalah berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA seperti berikut:

### 8.1 Mempunyai PhD dan Kelayakan Profesional

Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih kenaikan pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Bagi universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, Malaysian Technical Universities' Network (MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC (A&A)

### 8.2 Berpengalaman Dalam Pembentukan Kurikulum (Curriculum Design)

Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyanggah bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyanggah juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum universiti.

### 8.3 Pakar Pengajaran dan Pembelajaran

TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (Teaching and Learning). Penyanggah perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

### 8.4 Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyanggah mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyanggah bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyanggah hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

### 8.5 Pengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya

Penyanggah juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

## 8.6 Hal Ehwal Antarabangsa

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

## 9. Cara memohon

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Surat Permohonan beserta gambar berukuran passport terkini dan *Curriculum Vitae* (CV) yang mengandungi maklumat berikut:

- 9.1 Latar belakang peribadi (termasuk No. Kad Pengenalan), keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan emel untuk dihubungi;
  - 9.2 Latar belakang pendidikan dan kerjaya;
  - 9.3 Anugerah dan hadiah yang berprestij yang diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
  - 9.4 Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara;
  - 9.5 *Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI.
10. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temubual.
11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

En. Shuhir Karmawi bin Abdul Aziz Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Governan, Jabatan Pendaftar Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjong Malim Perak No. Tel : 05-4506351 Email : <a href="mailto:shuhir@upsi.edu.my">shuhir@upsi.edu.my</a>	Puan Mohaieda binti Mat Hussin Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Governan, Jabatan Pendaftar Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjong Malim Perak No. Tel : 05-4506811 Email : <a href="mailto:mohaieda@upsi.edu.my">mohaieda@upsi.edu.my</a>
---	---

12. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada :

**PENDAFTAR  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
35900 TANJONG MALIM  
PERAK DARUL RIDZUAN**

13. Tarikh tutup permohonan ialah pada 25 Ogos 2017 (Jumaat).
14. Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan.

